

PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT

KUKUM telah menganjurkan Program Gaya Hidup Sihat pada 22 Ogos 2003 di Kampus Kubang Gajah. Program ini diadakan sempena dengan Pelancaran Kelab PEMADAM KUKUM dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Zainal Abidin Zain, Timbalan Menteri Dalam Negeri merangkap Yang DiPertua PEMADAM Kebangsaan. Turut hadir pada majlis pelancaran ini ialah YB En. Mohd. Hadzi Nordin wakil YAB Menteri Besar Perlis, Y Bhg. Dato' Fahmi Ibrahim, Setiausaha Agong PEMADAM Kebangsaan, YB Puan Azihani Dato' Ali, Pengerusi Biro PEMADAM Wanita Kebangsaan dan Y Bhg. Profesor Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM merangkap Pengerusi Biro Pencegahan Di IPT dan Kelab Pemadam. Majlis turut diserikan lagi dengan kehadiran pelajar-pelajar dari IPT seluruh negeri Perlis.

Pada majlis tersebut, YB Dato' Zainal telah melancarkan juga Kelab PEMADAM KUKUM yang dianggotai oleh seramai 50 orang pelajar. Mereka ini merupakan kumpulan awal dalam penubuhan kelab tersebut. Selepas upacara pelancaran semua tetamu telah dibawa ke dataran Pusat Pengajian KUKUM untuk aktiviti senamrobik.

